



Majlis kemuncak sambutan 100 tahun SITC-MPSI-IPSI-UPSI malam ini

Noor Atiqah Sulaiman - Disember 1, 2022 @ 12:23pm
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my



Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenaan merasmikan Majlis Kemuncak Sambutan 100 Tahun Empat Era Universiti Pendidikan Idris (UPSI) di Tanjung Malim, malam ini. - Foto ihsan UPSI

KUALA LUMPUR: Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenaan untuk merasmikan Majlis Kemuncak Sambutan 100 Tahun Empat Era Universiti Pendidikan Idris (UPSI), malam ini.

Naib Canselor UPSI, Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff, berkata majlis akan diadakan di Dewan Tuanku Canselor, Kampus Sultan Azlan Shah, Tanjung Malim, pada jam 8 malam.



Naib Canselor UPSI, Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff.

Katanya, empat era itu adalah daripada era institusi berkenaan dinamakan Sultan Idris Training College (SITC), kemudian bertukar kepada Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) dan disusuli dengan nama Institut Perguruan Sultan Idris (IPSI) sebelum dikenali sebagai UPSI.

"Sambutan 100 tahun sangat bermakna kerana menghamparkan kenangan dan sumbangan warga institusi pendidikan tersohor ini sejak zaman SITC, MPSI, IPSI dan sehingga ke era UPSI.

"Sepanjang empat era itu, ramai tokoh kepemimpinan, kebahasaan, kesusasteraan, keusahawanan kesukanan serta kesukarelawanan dilahirkan, sekali gus mengharumkan nama institusi yang dikenali sebagai Ibu Kandung Suluh Budiman ini," katanya dalam kenyataan hari ini.

Md Amin berkata, UPSI memiliki sejarah yang panjang berikutan penubuhannya berkesinambungan dari zaman SITC yang ditubuhkan pada 29 November 1922, MPSI, IPSI dan seterusnya dinaiktarafkan kepada UPSI pada 1 Mei 1997.

"Saya berterima kasih kepada seluruh kakitangan UPSI yang berpenat lelah bertungkus-lumus menjayakan pelbagai program sehingga pada Malam Kemuncak Sambutan 100 Tahun ini.

"UPSI kini sedang meniti kemasyhuran dan membina legasi baharu apabila pelbagai kejayaan dicapai, sama ada di dalam maupun di luar negara. Malah UPSI juga semakin dikenali dan disegani serta mendapat fokus masyarakat untuk dijadikan universiti rujukan dalam dunia pendidikan," katanya.

Katanya, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah yang ada kini adalah kampus bersejarah berikutan bermulanya pembinaan Bangunan Suluh Budiman pada zaman SITC, manakala Kampus Sultan Azlan Shah terletak di Proton City pula terkenal dengan panorama keindahannya di sisi Banjaran Titiwangsa.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan, sempena sambutan 100 tahun UPSI, pihaknya turut menjual pelbagai bentuk cenderamata yang terpapar logo sambutan untuk dimiliki warga UPSI maupun alumni SITC-MPSI-IPSI.

Antara cenderamata yang dijual sebagai koleksi peribadi itu adalah plat kereta UG (Universiti Guru), setem kenangan serta syiling.

Sepanjang tahun ini dan sempena sambutan, katanya, UPSI menjayakan 100 program yang membabitkan kluster dalam penganjuran program sejarah, teknologi pendidikan, kebudayaan, kerohanian dan kepemimpinan.

Selain itu, kluster dalam penerbitan, penyelidikan dan inovasi, rekreasi, keusahawanan, pengantarabangsaan, komuniti serta alumni yang dijayakan semua peringkat pusat tanggungjawab.